

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 ( 54 )

8 Oktober 2020  
20 Safar 1442

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 50/2020

### PENANGGUHAN SEMUA PROGRAM ATAU AKTIVITI UNIVERSITI YANG MELIBATKAN PERHIMPUNAN DALAM DAN LUAR KAMPUS


Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 23/2020 bertarikh 7 Oktober 2020 telah meluluskan penangguhan semua program atau aktiviti Universiti yang melibatkan perhimpunan dalam dan luar kampus berkuat kuasa serta-merta.

2. Keputusan ini adalah selaras dengan hebahan melalui laman rasmi *Facebook* Kementerian Pengajian Tinggi pada 4 Oktober 2020 berkenaan penangguhan pendaftaran secara fizikal atau bersemuka pelajar IPT kemasukan Oktober 2020.
3. Sehubungan dengan itu, adalah disarankan agar semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) menangguhkan semua program atau aktiviti yang melibatkan perhimpunan dalam dan luar kampus selain digalakkan menukar pelaksanaan program atau aktiviti secara dalam talian (*online*). Bagi PTJ yang tidak dapat menangguhkan program atau aktiviti atas sebab implikasi kewangan, perundangan, imej dan sebagainya, PTJ penganjur adalah diwajibkan mendapat kelulusan Ketua PTJ masing-masing dan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pekeliling atau peraturan Universiti yang sedang berkuat kuasa.
4. Seluruh warga universiti adalah diminta secara berterusan membudayakan corak kehidupan mengikut kebiasaan baharu dan terus memastikan langkah keselamatan seperti penjarakan fizikal, kerap mencuci tangan menggunakan sabun / air atau *hand sanitizer*, dan memakai pelitup muka (mengikut keperluan) diteruskan bagi membantu negara menghentikan rangkaian COVID-19.
5. Pekeliling ini adalah terpakai sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan berpandukan pengumuman dari Kerajaan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**  
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)  
- Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh  
- Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 ( 54 )

8 October 2020  
20 Safar 1442

## **ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 50/2020**

### **POSTPONEMENT OF ALL UNIVERSITY PROGRAMS OR ACTIVITIES INVOLVING IN-AND-OFF-CAMPUS GATHERINGS**


Please be informed that the University Management Committee Meeting No. 23/2020 dated October 7, 2020, has approved the postponement of all University programs or activities involving in-and off-campus gatherings with immediate effect.

2. This decision is in line with the announcement through the official Facebook page of the Ministry of Higher Education on 4 October 2020 regarding the postponement of physical or face-to-face registration of IPT students for the October 2020 intake.
3. In this regard, it is recommended that all Responsibility Centers (PTJ) postpone all programs or activities that involve in-and-off-campus gatherings as well as be encouraged to change the implementation of programs through online activities. For PTJs who cannot postpone programs or activities due to financial implications, legislation, image, etc., PTJ organizers are required to obtain the approval of their respective PTJ Heads and comply with the National Security Council (MKN) Standard Operating Procedure (SOP) and University circulars or regulations which are in force.
4. All university citizens are asked to continuously cultivate a pattern of life according to new normals and continue to ensure safety measures such as physical distancing, frequent handwashing with soap/water or hand sanitizer, and wearing face mask to help the country stop the COVID-19 chain.
5. This circular applies until a further date based on the announcement from the government.

Thank you.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

I, who uphold trust,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**

Registrar

- c.c. - Vice-Chancellor  
- Deputy Vice-Chancellor (Development)  
- Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)  
- Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)  
- Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)  
- Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur)  
- Director Research Centre – UTM Pagoh  
- Senior Officers / Deans / Directors